

**Najib gesa penasihat sains Apec kongsi kepakaran tangani jerebu**  
**Malaysian Insider**  
**Oct 15, 2015**

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak menggesa penasihat sains bagi negara Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (Apec) berkongsi kepakaran dan cadangan untuk mengatasi jerebu bermusim yang menjejaskan negara di Asia Tenggara.

Beliau berkata Malaysia terjejas teruk akibat keadaan itu sejak 18 tahun lepas dan terdapat keperluan untuk mengemukakan penyelesaian yang lebih baik terhadap masalah itu.

"Saya harap penasihat sains ini boleh menasihati tentang bagaimana kita boleh menangani dan mengekang (penggunaan) teknik tebang-dan-bakar (dalam pertanian), bagaimana untuk mengelak kebakaran tanah gambut, sama ada ia disengajakan atau disebabkan perubahan iklim.

"Jadi, saya amat berminat untuk mengetahui dapatan dan nasihat anda," katanya ketika merasmikan Mesyuarat Ketiga Ketua Penasihat Sains dan Setara Ekonomi Apec di Kuala Lumpur, hari ini.

Turut hadir ialah Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Idris Jusoh, Penasihat Sains kepada Perdana Menteri Prof Tan Sri Zakri Abdul Hamid dan Sir Peter Gluckman, yang juga Ketua Penasihat Sains kepada perdana menteri New Zealand.

Najib berkata nasihat dan cadangan mereka berkemungkinan dikemukakan dalam Sidang Kemuncak Asean dan mesyuarat Apec yang dijadual bulan depan untuk dibincangkan selanjutnya.

Ucuptama beliau pada mesyuarat 2 hari itu membawa tema 'Membina Asas bagi Nasihat Sainifik Ke arah Ekonomi Terangkum bagi Dunia yang Lebih Baik.'

Perdana menteri berkata banyak cabaran yang digariskan dalam abad ke-21 dengan paling ketara perubahan iklim, keselamatan makanan dan air, tenaga, pembasmian kemiskinan dan kesihatan, mempunyai dimensi saintifik yang semakin rumit.

"Cabaran ini tidak boleh diselesaikan sebuah negara saja," katanya dan menambah diplomasi dan kerjasama sains merupakan alat penting agar persefahaman bersama dapat digalakkan manakala hubungan antarabangsa pula ditambah baik.

Najib berkata mana-mana negara pun akan memerlukan nasihat teknologi dan saintifik, dan ini lebih-lebih lagi semasa berlakunya krisis serta bencana. – Bernama, 15 Oktober, 2015.

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/najib-gesa-penasihat-sains-apec-kongsi-kepakaran-tangani-jerebu>